



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
SEMPENA MAJLIS PERDANA  
PERKHIDMATAN AWAM  
KETIGA BELAS (MAPPA XIII)  
11 MAC 2013 (ISNIN), 11:00 PAGI  
DI DEWAN PLENARI  
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA  
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,  
Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan

Saudara dan saudari pengacara majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib  
bin Tun Haji Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia,

Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin  
bin Haji Mohd Yassin  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia,

Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,

Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri  
Besar dan Ketua-Ketua Menteri,

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan  
Menteri,

Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha  
Kerajaan Negeri,

Yang Berbahagia Ketua-Ketua Setiausaha,  
Ketua-Ketua Perkhidmatan, Ketua-Ketua  
Jabatan serta Ketua-Ketua Eksekutif  
Badan-Badan Berkanun dan Syarikat  
Berkaitan Kerajaan (GLCs),

YBhg Dato' Haji Omar bin Haji Osman,  
Presiden CUEPACS, serta

Warga Perkhidmatan Awam yang dihormati  
sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan Kudrat, Iradat dan Inayah-Nya, kita semua dapat berhimpun dalam Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ketiga Belas pada pagi ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah berkelapangan untuk menghadiri majlis ini dan seterusnya memberi amanat kepada penjawat awam. Kehadiran serta amanat Yang Amat Berhormat Dato' Sri sebagai pemimpin utama negara ke majlis ini sesungguhnya menggambarkan keperihatinan dan komitmen tinggi pimpinan negara kepada

kami penjawat awam. Sudah pasti ianya akan menjadi perangsang kepada kami untuk terus bersama-sama bekerja ke arah kemakmuran dan kesejahteraan negara kita yang dicintai.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-Menteri Kabinet, Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis Perdana Perkhidmatan Awam pada kali ini. Kehadiran Anggota-anggota pentadbiran bersama-sama dengan pegawai Perkhidmatan Awam pada hari ini, seramai sekitar 6,000 orang di PICC ini dan boleh disaksikan secara langsung di seluruh

negara amatlah bermakna dan signifikan dalam mengekalkan dan memantapkan kerjasama rapat yang telah terjalin selama ini dalam mengurus negara kita.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Izinkan saya untuk terlebih dahulu bagi pihak Perkhidmatan Awam Malaysia mengucapkan takziah kepada ahli keluarga lapan anggota keselamatan yang terkorban semasa berjuang mempertahankan kedaulatan negara di Lahad Datu dan Semporna, Sabah. Kita menyanjung tinggi perjuangan dan pengorbanan wira negara ini dan untuk itu dalam majlis ini Tabung Wira Negara akan dilancarkan. Saya juga mengambil kesempatan ini, menasihati

supaya penjawat awam tidak terlibat dalam penyebaran berita-berita palsu berkaitan dengan insiden ini.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kami, anggota Perkhidmatan Awam menyedari bahawa cabaran kami pada masa kini amat berbeza sekali berbanding cabaran pada masa lalu. Kini, rakyat atau *stakeholders* semakin hari semakin menuntut perkhidmatan yang lebih cepat, cekap, telus dan efektif. Kami, penjawat awam perlu melaksanakan tugas dan amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab dan berkesan. 6 Prinsip yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri iaitu Cepat, Tepat dan Integriti (CTI) serta Produktif, Kreatif dan Inovatif (PCI) akan menjadi pegangan kami semua. Kami yakin, pengamalan nilai-nilai tersebut secara holistik adalah penting bagi memastikan Perkhidmatan Awam kekal relevan dan kompeten sepanjang masa. Dengan cara ini, Perkhidmatan Awam akan dapat sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat bagi memenuhi keperluan dan aspirasi mereka. Justeru, saya ingin mengajak anggota Perkhidmatan Awam semua untuk terus melengkapkan diri dengan kemahiran terkini (*emerging skills*) bagi memastikan kita dapat memberi perkhidmatan yang relevan dan berkualiti kepada rakyat.

5. Dalam hubungan ini, bagi tahun 2013, penjawat awam bertanggungjawab merealisasikan tujuh hala tuju yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu:

- i. memastikan perpaduan nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia: “Rakyat di Dahulukan, Pencapaian Diutamakan;
- ii. menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhan Negara terus berkembang, dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial;

- iii. melaksanakan Bajet 2013 dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan;  
[111 touchpoints (tanpa mengenakan atau memperkenalkan syarat-syarat baru yang boleh menyusahkan penerima touchpoints tersebut.)]
- iv. melaksanakan sepenuhnya Dasar Transformasi Nasional seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), dan Program Transformasi Ekonomi (ETP);
- v. melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS);
- vi. mencapai sepenuhnya Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi setiap Menteri dan Kementerian; dan

- vii. meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian Kerajaan berdasarkan enam prinsip baru perkhidmatan awam iaitu CTI (Cepat, Tepat dan Integriti), dan PCI (Produktif, Kreatif dan Inovatif).

6. Bagi saya sendiri, ini ialah Majlis MAPPa yang pertama sejak diberi amanah sebagai Ketua Setiausaha Negara. Sebenarnya tanggungjawab sebagai Ketua Setiausaha Negara bukanlah satu tugas yang mudah. Namun, saya ingin menyatakan dalam menyelusuri dan merangka dasar termasuk di peringkat melaksanakannya, perkara yang sukar menjadi mudah dengan cara aturan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato'

Seri yang sentiasa sahaja berfikiran terbuka, cenderung menerima idea-idea baru, lagi tidak lokek memberi tunjuk ajar dan memberi bimbingan. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri di atas karisma, kepimpinan dan memberi arah tuju dalam saya melaksanakan tugas ini, bahkan bukan sahaja setelah saya menjadi KSN tetapi sejak sebelum saya menjawat jawatan ini lagi.

7. Sebagai KSN saya bermula dengan mengenengahkan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam bagi mempertingkatkan lagi komitmen dan kesungguhan penjawat awam dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya juga telah turun padang ke agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan

dan negeri, mengamalkan sikap keterbukaan dengan mengadakan *engagement* atau musyawarah secara langsung atau melalui media komunikasi dengan penjawat awam daripada pelbagai skim perkhidmatan dan kesatuan sekerja. Ini memberi ruang kepada saya untuk melihat dan mendengar sendiri permasalahan yang dihadapi oleh penjawat awam. Selain daripada isu-isu perkhidmatan, isu pemilikan rumah dan kuarters Kerajaan seringkali dibangkitkan di mana isu ini sedang diteliti dan akan dikemukakan cadangan penyelesaiannya kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

8. Paradigma baru dalam konteks transformasi negara menuntut supaya Perkhidmatan Awam perlu lebih anjal atau

fleksibel dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Dengan erti kata lain, Perkhidmatan Awam kita perlu sentiasa berorientasikan kepada kehendak rakyat yang sentiasa berubah pantas selari dengan gaya hidup, tahap pembangunan sosio-ekonomi negara dan globalisasi.

9. Kami, Perkhidmatan Awam juga menyedari bahawa **kami tidak boleh lagi duduk dalam zon selesa (*comfort and complacency*) kerana ini tidak akan membawa kita kepada prestasi yang cemerlang (*excellent*)**. Untuk itu, kami perlu mempamerkan sikap tegas, berani, adil dan sanggup mengambil risiko untuk meneraju sesuatu jabatan ke tahap prestasi yang lebih tinggi. Kami akan sentiasa memberi sokongan supaya wujudnya

sinergi usaha dan hasrat dalam menjayakan misi dan tanggungjawab bersama untuk membangunkan negara demi menjamin kesejahteraan rakyat.

Perkhidmatan Awam juga akan melalui proses transformasi untuk menjadi perkhidmatan yang relevan dan terunggul. Transformasi akan dimulakan dengan dua agensi utama kerajaan, yakni, JPA dan Kementerian Kewangan.

10. Di peringkat antarabangsa, Perkhidmatan Awam kita pada masa ini telah mencapai satu tahap atau standard yang membanggakan. Kami memberi jaminan di sini bahawa kami akan sentiasa mengekalkan momentum kecemerlangan ini dalam memberikan perkhidmatan yang

terbaik kepada rakyat. Penjawat awam akan sentiasa bersama-sama menyokong dan menjayakan agenda transformasi kerajaan.

Yang Amat Berhormat Dato Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada CUEPACS dan kesatuan-kesatuan sekerja yang lain, terutama kepada Presiden CUEPACS, YBhg. Dato' Hj Omar bin Hj Osman, di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama membantu usaha-usaha mempertingkatkan lagi prestasi, produktiviti dan kebajikan penjawat awam.

12. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sesungguhnya kami amat

menghargai amanat dan nasihat Yang Amat Berhormat Dato' Sri bagi memastikan Perkhidmatan Awam akan sentiasa memberikan perkhidmatan dengan penuh kecemerlangan. Nasihat dan pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri akan menjadi pegangan dan panduan kami. Untuk itu, saya dengan segala hormat dan takzimnya menjemput YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk menyampaikan amanat beliau sempena Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas kali ini.

Dengan segala hormatnya dipersilakan.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.